

## DINAMIKA PENDIDIKAN ISLAM DI SELATAN THAILAND

Masakaree Ardae  
**Nik Muhammad Syukri Nik Wan**  
Universiti Sultan Azlan Shah

### Abstrak

Bermulanya pendidikan islam pada zaman rasulullah saw. Pendidikan tersebut, turut diwarisi oleh para sahabat baginda dan dikembangkan kemudian oleh para ulama salaf soleh. Pendidikan islam terus berkembang bersama para ulamanya hingga ke peringkat yang paling membanggakan pada zaman kegemilangan islam. Thailand adalah sebuah negara majoriti penduduk beragama buddha yang mengamalkan sistem demokrasi raja berperlembagaan. Kebebasan beragama diberikan kepada seluruh warga negara dan dilindungi berdasarkan konstitusi. Dalam rangka mempertingkatkan kualiti umat islam, para ulama selatan thailand telah menyasarkan pendekatan pendidikan islam yang relevan untuk mereka. Bilakah pendidikan islam di selatan thailand dimulakan, apakah pendekatan yang digunakan dan bagaimanakah reaksi pemerintah kerajaan thailand terhadap dinamika pendekatan pendidikan yang dilaksanakan. Sehubungan dengan itu, objektif artikel ini adalah untuk mengkaji dinamika kesejarahan pemerkasaan pendidikan islam di selatan thailand. Bagi menjawab persoalan di atas dan mencapai objektif tersebut, kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan melalui data kajian perpustakaan serta pendekatan kualitatif dan kajian sejarah. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa bermulanya pendidikan islam di selatan thailand bersama-sama dengan kedatangan islam pada abad ke-14m. Ia dimulakan secara rasminya di istana sultan pada abad ke-15, diikuti dengan sistem pondok pada abad ke-16. Pada abad awal abad ke-20 selatan thailand mula memperkenalkan sistem madrasah. Pada pertengahan abad ke-20 sebahagian sistem madrasah telah diserap oleh pendidikan akademik kerajaan thailand. Pada penghujung abad ke-20 selatan thailand mempertingkatkan sistem pendidikan islam ke peringkat pengajian tinggi dan berjaya melahirkan para sarjana bidang pengajian islam pada awal abad ke-21.

**Kata kunci:** *Pendidikan Islam, Selatan Thailand, Pattani, Pondok, Madrasah*

### Abstract

*The onset of islamic education was during the time of the prophet pbuh. The education was also inherited by his companions and developed later by the righteous salaf scholars. Islamic education continued to grow with its scholars to the proudest stage of the era of Islam. Thailand is a buddhist majority population country that adopts a constitutional monarchy democracy system. Religious freedom is given to all citizens and protected based on constitution. In order to improve the quality of Muslims, southern Thai scholars have targeted relevant Islamic education approaches for them. When Islamic education in southern Thailand was initiated, what is the approach used and how the thai government's government's reaction to the dynamics of educational approaches is implemented. Accordingly, the objective of this article is to study the dynamism of the teaching of Islamic education in southern Thailand. To answer the above question, this study uses content analysis methods through library research data as well as qualitative approaches and historical studies. The findings showed that the onset of Islamic education in southern Thailand along with the arrival of Islam in the 14th century. It began officially at the sultan's palace in the 15th century, followed by a cottage system in the 16th century. in the early 20th century southern Thailand began to introduce the madrasah system. in the mid-20th century part of the madrasah*

*system was absorbed by the academic education of the Thai government. At the end of the 20th century southern Thailand improved the Islamic education system to the higher education level and successfully produced scholars in Islamic studies in the early 21st century.*

**Keywords:** *Islamic Education, Southern Thailand, Pattani, Huts, Madrasah*

## PENDAHULUAN

Umat islam berkeyakinan bahawa ilmu merupakan modal dan asas utama kehidupan seseorang manusia di dunia dan akhirat. Kejayaan manusia di kedua-dua negeri ini bergantung kepada ilmu yang mereka miliki. Oleh itu, umat islam senantiasa memperkasakan empayar ilmu mereka di sepanjang zaman. Dalam rangka melestarikan empayar tersebut, umat islam telah menggunakan pelbagai pendekatan pendidikan. Di thailand, islam merupakan agama yang dianuti oleh minoriti penduduk negara iaitu 4-5 peratus [sistem pendaftaran statistik rasmi di jabatan pentadbiran tempatan merekodkan jumlah populasi thailand pada disember 2018 seramai 66,413,979 orang]. Namun, muslim thailand tetap sama-sama berkongsi pendekatan pendidikan islam mengikut acuan mereka sendiri. Selatan thailand atau yang lebih dikenali sebagai “patani atau fatoni” merupakan kawasan majoriti penduduk muslim thailand yang memiliki acuan pendidikan islam yang lebih unik berbanding dengan kawasan lain. Oleh itu, kertas kerja ini akan memberi tumpuan khas kepada pendidikan islam di sekitar kawasan tersebut. Ia akan dimulakan dengan kedatangan islam, diikuti dengan institusi pendidikan islam dan diakhiri dengan kesimpulan.

## KEDATANGAN ISLAM DI PATANI

Di pulau sumatera, terdapat sebuah negeri yang bernama “kesultanan pasai” (1267–1521m.), juga dikenali sebagai “samudera darussalam” atau “samudera pasai”. Seluruh rakyatnya telah memeluk agama islam tetapi di sekeliling negerinya masih ramai lagi yang beragama hindu-buddha. Pada zaman pemerintahan sultan zainal abidin i (1349–1406m.), kesultanan pasai selalu diserang oleh orang-orang hindu-buddha, kerajaan majapahit (1293–1527m.) Sehingga menyebabkan orang-orang islam di kesultanan pasai sentiasa hidup dalam keadaan menderita dan sebahagian daripada mereka telah berpindah ke negeri lain untuk menyelamatkan diri masing-masing. Pada abad ke-14m., ada di antara mereka yang telah melarikan diri menuju ke negeri patani. Semenjak itu negeri patani mula menerima kedatangan orang islam dari kesultanan pasai dan mereka telah membangunkan sebuah kampung di situ. Kesemua penduduknya berasal daripada pasai (ibrahim syukri, 2002).

Pada akhir abad ke-14m. Atau awal abad ke-15m., masyarakat patani telah memeluk agama islam (bougas, 1994). Berlakunya peristiwa ini, apabila syeikh said atau safiuddin seorang pendakwah islam berasal dari kesultanan pasai telah menyampaikan dakwahnya kepada raja patani phaya tu naqpa. Seterusnya diikuti oleh para pegawai istana, pembesar kerajaan, menteri, hulubalang dan semua rakyat jelata yang hadir (hikayat patani, 1992).

## PENDIDIKAN ISLAM PATANI

Setelah masyarakat patani memeluk islam, para ulama mula mengambil tempat dan kedudukan. Islam mula tersebar luas ke segenap pelosok negeri patani dan sekitarnya. Patani mula membentuk jati dirinya menjadi sebuah negeri melayu yang kuat dan sangat berperanan dalam penyebaran dakwah islamiah. Mohd. Zamperi a. Malek (1994) percaya bahawa pusat pengajian islam dan kegiatannya pada masa tersebut adalah di istana sultan. Kepercayaan beliau turut diperkuatkan lagi dengan kewujudan masjid

sultan muzzafar shah atau masjid pintu gerbang yang dibina di kampung kerisik (sekarang; krue se, daerah muang, wilayah pattani) pada 877h.(1472m.). Selain istana, masyarakat islam patani telah memperkenalkan beberapa sistem pendidikan islam lain. Antaranya:

## PENDIDIKAN PONDOK

Mengikut ahmad fathy al-fatani (2001) sistem pendidikan pondok pertama kali dimulakan di kampung sena (sekarang; sano, daerah yarang, wilayah pattani) oleh fakih wan musa bin wan muhammad salih al-laqīhī pada separuh kedua abad ke-16m. Seterusnya, pada awal abad ke-17m., anak saudaranya iaitu wan husein al-sanawi membangunkan pula sebuah pondok di kampung telok manak (sekarang; talok manok, daerah bachok, wilayah narathiwat), selanjutnya muncul di kampung pauh bok pada penghujung abad ke-17m. Dan berterusan hingga sepanjang abad ke-18m. Mengikut latar belakang pengajian asas bagi syeikh daud bin abdullah al-fatani yang belajar di patani pada sekitar abad ke-18m., ternyata bahawa di patani terdapat beberapa buah pondok antaranya: pondok kuala bekah, pondok kerisik, pondok semela dan pondok pauh bok (bahagian hal ehwal islam, 1991).

Pada awal abad ke-19m. Patani telah menjadi pusat pengajian islam sebelum menyambung pengajian ke timur tengah khususnya di bawah jagaan para guru di kota suci mekah (hasan madmarn, 2002). Dan ia juga merupakan pusat kegiatan kesusasteraan melayu berunsur islam sepanjang abad ke-19m. Menerusi kelahiran ulama-ulama terkenal serta kitab-kitab karangan mereka yang termasyhur. Para ulama tersebut, bukan sahaja terkenal di rantau ini, malah diakui juga sebagai alim ulama di negara-negara arab, turki dan utara afrika. Selain itu, sebahagian daripada mereka telah diiktiraf bertauliah mengajar di masjid al-haram, mekah dan dikunjungi oleh para pelajar islam dari sri lanka, burma, kemboja, vietnam, filipina, negeri-negeri tanah melayu, dan seluruh nusantara seperti sumatera terutama aceh, sulawesi, kalimantan, jawa dan brunei (mohd. Zamberi a. Malek, 1994).

Pada masa inilah wujud dua pusat pendidikan islam yang terkenal di rantau nusantara, iaitu aceh dan patani. Pelajar-pelajar dan ulama-ulama di kedua-dua negeri ini saling kunjung-mengunjungi antara satu sama lain, bahkan ambil mengambil ilmu antara sesama mereka (ibrahim ismail, 1991). Antara pondok-pondok yang terkenal di patani ialah pondok sungai pandang, pondok dala, pondok chuwuk, pondok berming, pondok bendang guchil, pondok bendang daya, pondok semela, pondok kuala bekah, pondok makngo, pondok duku, pondok baera, pondok telok manak (w.k. cheman, 1990, hasan madmarn, 2002). Pada zaman kegemilangan pondok-pondok ini tidak hanya menjadi tumpuan tok pakae (pelajar) setempat, bahkan juga didatangi pelajar-pelajar dari luar negara seperti malaysia, indonesia (terutama sumatera), burma, filipina, dan kemboja (worawit baru, 1991).

Di samping hubungan erat antara patani dan aceh. Patani juga telah menjalin perhubungan yang amat rapat dengan mekah. Latar belakang sejarah syeikh abdul rahman bin abdul mubin pauh bok al-fatani (m.1780-an), menunjukkan bahawa beliau tinggal di kota mekah dan madinah dan mengajar di masjid al-nabawi dan masjid al-haram.

Mekah merupakan lanjutan pengajian pondok dalam masyarakat melayu tradisional bukan sahaja kiblat sembahyang umat islam seluruh dunia bahkan menjadi pusat pendidikan tertinggi bagi para ulama di alam melayu (mohd. Zamberi a. Malek, 1994).

*Anak-anak watan nusantara mempunyai hubungan yang rapat dengan tanah suci makkah [mekah] dan madinah. Mereka mempelajari ilmu-ilmu islam dan tamadunnya dalam halakah [halaqah] ilmu di masjid al-haram dan di sekitarnya yang merupakan pusat kegiatan ilmu islam sejak zaman-berzaman (mat rofa ismail, 1997).*

Pada awal abad ke-18m., ramai pelajar tempatan sekitar nusantara mengunjungi mekah untuk menyambung pengajian mereka di sana.

*Sungguhnya [sesungguhnya] telah aku melihat pada zaman ini akan orang jawi daripada kesangkatan ertinya daripada akal pada berlajar [belajar] dengan bahasa arab maka aku kehendak aku terjemahkan akan karangan imam yang lebih lagi warak iaitu abu 'abd allah kunyaunya muhammad namanya anak yusuf sanusi nama negerinya hasani bangsanya yang reda allah daripadanya yang dinamai karangannya iaitu umm al-barāhīn dengan bahasa jawi serta aku nyatakan maknanya dengan barang yang aku lihat akan dia pada setengah daripada beberapa syarah dan setengah daripada beberapa hasyiah dan aku himpukan kepadanya setengah daripada beberapa faedah yang berkehendak kepadanya kerana memberi manfaat dengan dia segala orang yang baharu berlajar [belajar] dan aku namai akan dia bidayat al-hidayat (syeikh muhammad zain bin faqih jalaluddin al-asyi, 1342).*

Antara para penuntut di masjid al-haram terdiri daripada penduduk muslim selatan thailand.

*The malay muslims of thailand usually come to study in the masjid al-haram during the time of haji. Besides trying to find opportunities to study, they also perform the haji, the fifth pillar of islam. If the situation permits them to stay longer in mecca, they may continue to sit under certain teachers, year after year, until they really become initeated into traditional islamic learning. ....in the mean time, the muslim communities back home are waiting to see them return, highly qualified with knowledge. The muslim communities usually prepare to welcome them with parcels of donated land (awqāf) and build them islamic centers for traditional teaching, as they did for their former teachers (hasan madmarn, 2002).*

Menjelang tahun 1860m./1276h. Bahasa melayu merupakan bahasa kedua tanah suci di mekah, setelah bahasa arab (bruinessen, 1995). Berkemungkinan dengan jumlah anak melayu yang begitu ramai, telah mendorong syeikh ahmad bin muhammad zain al-fatani yang berada di sana mentashihkan kitab *bidayat al-hidayat* pada 1303h./1885m.

Pada keseluruhannya, para sarjana patani telah menterjemah, menyusun kitab dan mengajar pelbagai disiplin ilmu yang berhubung kait dengan agama islam. Namun, tumpuan mereka boleh disimpulkan berfokus pada tiga bidang ilmu utama iaitu akidah/tauhid, syariah/fiqah dan tasawuf.

*Penumpuan mereka [ulama tempatan dari seluruh asia tenggara yang telah melanjutkan pengajiannya ke luar negara, terutama ke mekah] ialah kepada tiga bidang sahaja iaitu tauhid yang berlegar di sekitar sifat dua puluh, fikah [fiqh] dan tasawuf (mahayudin haji yahaya, 1998).*

Antara hasil karya para ulama ini adalah *īdāh al-bāb li murīd al-nikāh bi al-sawāb* (keterangan bab bagi seseorang yang ingin berkahwin dengan betul, syariah/fiqah, 1224h./1808/9m.), *al-durr al-thamīn fī bayān 'aqā'id al-mu'minīn* (mutiara berharga pada menyatakan akidah orang-orang mukminin, akidah/tauhid, 1232h./1816/7m.), *minhāj al-'ābidīn ilā jannati rabb al-'ālamīn* (metode para penyembah menuju ke syurga tuhan sekalian alam, tasawuf, 1240/1824/5) karya syeikh daud, *fari'dah al-farā'id fī 'ilm al-'aqā'id* (sebiji mutiara daripada beberapa mutiara yang mahal pada bicara ilmu akaid, akidah/tauhid, 1313h./1895/6m.) Karya syeikh ahmad bin muhammad zain al-fatani.

Para sarjana patani abad ke-19m. Dan karya mereka bukan hanya masyhur di kalangan masyarakat islam di selatan thailand, malahan di malaysia, indonesia dan kemboja. Beberapa karya mereka telah disalin dan dicetak semula sejak awal kurun ke-19m. Hingga hari ini. Pada masa ini, cendekiawan islam patani atau selatan thailand yang mahir dengan kitab jawi masih aktif menghasilkan karya untuk keperluan pemikiran masyarakat islam keseluruhannya.

Demikianlah patani pernah menyaksikan kemunculan ramai ulama terkemuka yang datang silih berganti mengambil tempat dan memainkan peranan penting dalam sejarah negeri, seperti kata ahmad fathy al-fatani:

*Sangat jelas bahawa negeri patani seolah-olah telah dipilih menjadi “ard al-‘ulama” [bumi ulama] lebih dari melayu yang lain baik di semenanjung melayu mahupun di nusantara (ahmad fathy al-fatani, 2001).*

Itulah patani, antara pusat tamadun islam yang terkenal dan berpengaruh sejak abad ke-15m. Lantaran berlakunya kemajuan yang pesat dalam bidang ilmu pengetahuan tentang agama islam, patani juga dikenali dengan gelaran “serambi mekah” (nik anuar nik mahmud, 2000).

Ahmad jelani bin halimi (1989) berpendapat bahawa sistem pondok ini telah menggunakan kurikulum pengajian dari timur tengah manakala bentuk fizikalnya adalah bentuk tempatan yang ditiru daripada bentuk institusi hindu-buddha atau yang dinamakan dengan “asyram”. Mohd. Zamberi a. Malek (1993) turut percaya bahawa kurikulum tersebut adalah kurikulum yang telah digunakan di masjid al-haram, kota suci mekah. Penyesuaian ini boleh berlaku kerana guru-guru yang mengajar di sistem pengajian pondok berasal dari tanah yang pernah dipengaruhi oleh hindu-buddha kemudiannya terdapat didikannya di beberapa masjid atau jami’ di timur tengah antaranya masjid al-haram di mekah, masjid al-nabawi di madinah dan jami’ al-azhar di kaherah. Demikianlah sistem pengajian baru yang telah dikemukakan oleh ulama islam patani kepada alam melayu.

Mengikut martin van bruinessen (1995) bahawakekakuan tradisi yang telah diperolehi institusi pengajian pondok seperti jumlah teks klasik yang diterima sebagai ortodoks (*al-kutub al-mu’tabarat*) pada prinsipnya sangat terbatas ilmu yang bersangkutan dianggap sesuatu yang sudah sempurna tidak dapat ditambah lagi, hanya boleh diperjelas dan dirumuskan kembali. Meskipun terdapat karya-karya baru, namun kandungannya tidak berubah, di sinilah lahirnya beberapa kritikan daripada beberapa pihak yang berkenaan.

Kini, pejabat pelajaran swasta wilayah merekodkan jumlah pondok yang berdaftar; wilayah pattani (2559b./2016m.) Memiliki sebanyak 238 buah pondok, wilayah yala (2559b./2016m.) Memiliki sebanyak 123 buah pondok dan wilayah narathiwat (2559b./2016m.) Memiliki sebanyak 65 buah pondok. Jumlah keseluruhan pondok yang berdaftar di tiga wilayah selatan thailand sebanyak 426 buah pondok.

## MADRASAH

Hasil daripada sistem pendidikan pondok, telah melahirkan golongan pelajar yang berjaya melanjutkan pengajian mereka ke luar negara. Sebahagian pelajar melayu dan selatan thailand khususnya telah terpengaruh dengan arus pembaharuan sistem pendidikan moden berbentuk tingkatan kelas seperti madrasah, universiti dan sebagainya.

Pada awal abad ke-20m., kerajaan thailand telah menubuhkan sekolah kebangsaan di sekitar kawasan pattani, antaranya; sekolah benjamarachutit pattani (2455b/1912m.) Dan sekolah dechapattanayanukul (2465b./1922m.) (dulu; sekolah satri monthon pattani, 2456b./1913m.). Pada tahun 1921, kerajaan thailand telah meluluskan akta pelajaran yang mewajibkan kanak-kanak belajar di sekolah kebangsaan yang menggunakan bahasa thai sebagai bahasa pengantar (w.k. cheman, 1990 dan nik anuar nik mahmud, 2000 ). Akta pelajaran dan sekolah-sekolah kebangsaan telah menimbulkan suatu reaksi yang hebat dalam sistem pendidikan di selatan thailand. Pada tahun 1933, haji sulong bin abdul qadir bin muhammad al-fatani seorang tokoh ulama yang pernah melanjutkan pengajiannya di mekah dan menyaksikan sistem pendidikan madrasah as-sawlatiyah (1874m.) Telah mendirikan madrasah al-ma’arif al-wataniyyah di pattani (nik anuar nik mahmud, 2000).

Madrasah al-ma‘arif al-wataniyyat adalah sebuah sekolah islam model baru yang bukan sahaja memiliki sukanan pelajaran dan memakai sistem kelas, akan tetapi juga menjadi istimewa kerana adanya latihan kawad oleh para pelajarnya pada setiap pagi. Meskipun mendapat sambutan baik daripada masyarakat, tetapi sekolah ini ditakdirkan tidak berusia lama. Selepas beroperasi selama 2 hingga 3 tahun, sekolah ini menerima perintah tutup daripada pihak kerajaan thailand yang sangat merasa curiga atas perkembangannya (ahmad fathy al-fatani, 1994). Setelah itu, haji sulong mengemukakan lagi sistem pengajian kuliah mingguan antara maghrib dan isyak di surau sebagaimana catatan ahmad fathy al-fatani (1994):

*Mulailah [mulalah] beliau [haji sulung] mengajar di surau di depan rumahnya, tetapi sekali lagi tidak seperti ulama-ulama sezaman yang kebanyakannya mengajar dalam bentuk halaqah pondok sepenuh masa, corak pengajaran hj. Sulong lebih berupa kuliah mingguan dan antara maghrib-isya’.*

Dengan sambutan hangat umat islam patani terhadap sistem madrasah telah mendorong ramai para penuntut mencalonkan diri bagi tujuan pendaftaran di sistem tersebut. Di madrasah dār al-‘ulūm al-dīniyyat (1353-1410h./1935-1989m.) Misalnya terdapat ramai para penuntut dari wilayah-wilayah selatan thailand, antaranya ialah ibrahim daud patani, ibrahim uthman puta' patani, ahmad husain jala, ahmad ibrahim harun jala, ahmad karisai patani, ahmad muhammad daud patani, hasan ishaq jala patani, hasan abdullah jala patani, hasanain sulaiman patani, said idris patani, abdul halim abdul hamid zamani patani, abdul rahman yahya zamani patani, abdul rahman abdul latif jala patani, abdul ghani ya‘qub jala patani, abdullah ahmad dahhan patani, abdullah ali patani, abdul malik muhammad nur sawa patani, abdul wahhab abdullah patani, abdul wahhab muhammad harun patani, muhammad ishaq jala patani, muhammad abdul rahman pauh patani, muhammad zaki abdul rasyid patani, ya‘qub yusuf patani, yusuf mustafa bandar patani, harun al-rasyid bin muhammad tahir patani, muhammad bin arsyad patani, ramli ya‘qub patani, ahmad abdul latif patani, abdul qadir jidin patani, ismail cikghah patani, mukhtar ahmad patani, wae asae patani, makatar bin ali patani (barahmīn, 1413h.).

Apabila sistem pendidikan moden, bertingkatan kelas dan diajar oleh para guru moden atau yang digelar cikgu atau ustaz tersebar luas di negara jiran seperti malaysia, maka sebahagian dari kalangan para pelajar yang berkelulusan sistem tersebut telah mendirikan madrasah-madrasah dalam bentuk yang sama. Al-madrasat al-ma‘arif al-wataniyyat (diubah nama kemudiannya kepada al-madrasat al-islāhiyyat, manakala sekarang memakai nama ma‘had al-islāhiyyat li al-banāt), istana nilam, kerisik, pattani misalnya didirikan pada 1945m. Oleh haji abdul majid ambung al-fatani @ haji abdul majid bin haji abdullah al-fatani (1898-1953m.) Yang pernah belajar di kota suci mekah dan universiti al-azhar, mesir. Mahad al-bithat ad-diniah, muang, jala yang merupakan ma‘had pertama dibangunkan di wilayah jala pada 50-an telah didirikan oleh haji harun sulong atau harun al-rasyid bin haji muhammad tahir (1924-2003m.) Yang pernah belajar di madrasah al-mashoor al-islamiah (dulu; madrasah al-quran, 1916), pulau pinang dan juga di madrasah dār al-‘ulūm al-dīniyyat, mekah.

Apabila ramai dari kalangan pemuda muslim di selatan thailand menyambung pengajian mereka di pondok dan madrasah, maka kementerian pendidikan thailand di bawah pimpinan perdana menteri sarit thanarat (m.m.1959-1963m.) Telah mengumumkan peraturan kementerian berkenaan penambahbaikan pondok. Antara kandungan penting adalah mengarahkan semua pondok dan madrasah supaya membuat permohonan pendaftaran kepada pihak kerajaan (weerasak chansongsaeng, 2003). Peraturan tersebut, bertujuan mengubah sistem pengajian pondok dan madrasah menjadi sekolah rakyat mengajar agama islam (*rongrian rasdr son sasana islam*) (w.k. cheman, 1990).

seterusnya, pondok-pondok dan madrasah-madrasah yang berdaftar akan diberi bantuan dan sokongan daripada pihak pemerintah kerajaan thailand. walau bagaimanapun, sebelum bantuan diberi, pondok-pondok dan madrasah-madrasah mestilah terlebih dahulu memenuhi beberapa syarat yang ditetapkan oleh kementerian. antaranya, mestilah bersedia memasukkan mata pelajaran bahasa thai ke dalam kurikulum

baru persekolahannya di samping bersedia menerima perkhidmatan guru-guru kerajaan yang akan dihantar untuk mengajar serta diletakkan di bawah pengawasan bahagian pendidikan swasta, kementerian pendidikan.

Peraturan kementerian berkenaan pemberian pondok telah mendapat sambutan baik daripada haji harun sulong, pengarah ma'had al-bi'that al-diniyyah, muang, jala dan dilaksanakan kali pertama pada tahun 1965m. Menurut beliau, polisi ini disetujui oleh beliau kerana hal ini akan meningkatkan kemajuan terhadap madrasah (abdullah hayeesaid, 2002). Maka secara rasminya sistem pendidikan di selatan thailand terbahagi kepada dua bentuk seperti catatan worawit baru (1991):

*Dalam kawasan ini (wilayah-wilayah di selatan thailand) terdapat dua sistem pendidikan yang penting, iaitu sistem pendidikan umum (“saman” dalam bahasa thai) dan sistem pendidikan agama.*

Manakala sistem pendidikan agama pula, secara rasminya terbahagi kepada dua bentuk:

- pondok dalam bentuk tradisional (lama)
- pondok dalam bentuk sekolah agama swasta (madrasah) (worawit baru, 1991).

Dalam sistem sekolah para pelajar diatur secara berkelas mengikut tingkat kecerdasan masing-masing, mempunyai kurikulum yang jelas dan jangka masa serta tempoh pendidikan yang ditentukan (mohd. Zamberi a. Malek, 1994). Selain memberikan pelajaran dalam bidang agama, ia juga memberikan pelajaran dalam bidang umum, akademik atau sekularisme mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh kementerian pendidikan. Dalam bidang umum pengajarannya disampaikan dalam bahasa thai, sementara dalam bidang agama pula, bahasa pengantarnya adalah bahasa melayu dan arab. Jadi, sistem ini telah memiliki dua sistem pendidikan yang menggunakan bahasa pengantar yang berbeza. Hal ini merupakan satu persaingan yang hebat dalam masalah bahasa yang saling mempengaruhi pelajar. Pengaruh bahasa thai mulai tampak jelas; keadaan ini dapat dilihat dalam pendidikan agama sudah disisipkan istilah-istilah bahasa thai (worawit baru, 1991).

Pada zaman pemerintahan perdana menteri thanom kittikachorn (m.m.1958, 1963-1973m.), kerajaan thailand telah mengkategorikan pondok dan madrasah yang tidak berdaftar sebelum tempoh 15 jun 1971m. Sebagai institusi pendidikan haram. Pada saat inilah hampir 200 buah institusi pendidikan telah ditutup dan sebahagian daripada para guru dan murid-muridnya telah memegang senjata menentang kerajaan seperti pondok daerah resa (jabat), narathiwat (phaisal promyong, 2004).

Pada asalnya, semua sistem pendidikan islam di kawasan wilayah selatan thailand mempunyai satu keistimewaan iaitu penggunaan bahasa melayu jawi sebagai bahasa pengantar, akan tetapi keadaan tersebut mulai berubah dengan persetujuan kementerian pendidikan pada 7 jun 1976 dengan memasuki mata pelajaran al-quran, tajwid, tauhid, fiqah, akhlak dan tarikh sebagai kurikulum pengajian islam dalam sekolah dasar kerajaan (madmarn, 2002) dengan menggunakan bahasa thai sebagai bahasa pengantar.

Pada 80-an, kementerian pendidikan mula menerbitkan buku-buku teks sekolah agama swasta. Antara teks yang diterbitkan adalah tauhid untuk kelas tiga (2528b./1985m.), tauhid untuk kelas empat (2535b./1992m.) Dan al-tauhid untuk kelas lima (2535b./1992m.). Keseluruhannya, buku-buku teks ini masih lagi menggunakan bahasa melayu. Walaupun sistem pendidikan ini sudah tidak menghargai buku-buku teks para ulama pondok, namun ia masih lagi menghargai sebahagian ajarannya seperti yang dinyatakan dalam teks pengajian tauhid untuk kelas tiga. Teks pengajian tersebut telah mengemukakan dua puluh sifat yang wajib bagi zat allah taala, sebahagian sifat-sifat yang mustahil bagi-nya dan tandatanda yang pernah dikemukakan di sistem pendidikan pondok.

Pada keseluruhannya, para pelajar yang berkelulusan sistem pengajian ini sudah mengurangkan penghargaan mereka terhadap buku-buku teks penulisan para ulama pondok. Kajian nik abdul aziz bin haji nik hassan (1977) mendapati bahawa, sistem ini telah mendidik para pelajar ke arah bekerja dengan sistem pentadbiran. Dengan didikan seperti ini, telah menarik para penduduk bandar ke arah sistem

tersebut. Daya tarikan ini, turut terjerumus juga oleh masyarakat luar bandar yang berkemampuan menghantar anak-anak mereka.

Setelah tamat peringkat menengah (mo 6) atau thanawiyyah, sebahagian mereka akan memilih mana-mana aliran untuk melanjutkan pengajian mereka di peringkat yang lebih tinggi, sama ada akan teruskan aliran akademik atau agama, di dalam atau luar negara. Bagi memenuhi keperluan masyarakat islam di selatan thailand, ma'ahad darul ma'arif, pattani mula menawar program aliyah (pengajian tinggi) bagi lepasan agama peringkat thanawiyyah pada penghujung 80-an. Pada tahun 1990, lembaga pendidikan ma'ahad darul ma'arif dan majlis agama islam wilayah pattani telah menubuhkan pengajian tinggi islam darul maarif (petidam) sebagai kesinambungan program aliyah serta menawarkan diploma tarbiyah (kependidikan islam) (petidam: 2009).

Pada tahun 1993, diploma tarbiyah turut ditawarkan juga di mahad al-bithat ad-diniah dan dinaiktaraf kemudiannya menjadi kuliah tarbiyah islamiah yang menawarkan diploma tarbiyah dan ijazah tarbiyah. Pada tahun 2000, kuliah tarbiyah islamiah telah dinaktaraf lagi menjadi kuliah syeikh daud al-fathoni terdiri daripada fakulti tarbiah, fakulti syariah dan fakulti usuluddin. Pada tahun 2001, kuliah syeikh daud al-fathoni telah dirasmikan sebagai jamiah islam syeikh daud al-fathoni (jisda) dengan penambahan fakulti dirasat islamiyah wal arabiyyah (jamiah islam syeikh daud al-fathoni, 2019). Kini, program-program pengajian tinggi yang ditawarkan belum mendapat pengiktirafan kerajaan thailand. Sebahagian lepasan program-program tersebut terpaksa melanjutkan pengajian mereka di luar negara menerusi memorandum persefahaman (mou) seperti indonesia.

Demikianlah, sistem pendidikan islam di selatan thailand sudah terbahagi kepada dua bahagian iaitu sistem pendidikan pondok dan sekolah rakyat mengajar agama islam atau yang dikenali kemudiannya sebagai sekolah swasta mengajar agama islam. Sekolah swasta mengajar agama islam pula, terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian yang mengajar aliran akademik bersama dengan aliran agama dan bahagian yang mengajar aliran agama sahaja. Kini, pejabat pelajaran swasta wilayah merekodkan jumlah sekolah swasta mengajar agama dan akademik yang berdaftar; wilayah pattani (2559b./2016m.) Memiliki sebanyak 65 buah, wilayah yala (2559b./2016m.) Memiliki sebanyak 43 buah dan wilayah narathiwat (2559b./2016m.) Memiliki sebanyak 52 buah. Jumlah keseluruhan sekolah swasta mengajar agama dan akademik yang berdaftar di tiga wilayah selatan thailand sebanyak 160 buah.

Demikian institusi pendidikan pondok dan madrasah atau sekolah masih lagi menjadi pusat pengajian agama islam yang dapat mempertahankan kebudayaan dan tamadun melayu-islam di kawasan selatan thailand hingga ke hari ini.

*Jelas di sini patani sebagai pengasas pengajian pondok terawal di nusantara meneruskan kegiatan itu hingga ke hari ini. Namun dengan desakan politik kegiatan itu mula terjejas dan cuba disesuaikan dengan unsur-unsur sekular. Peranannya dan pengaruhnya sebagai pusat keilmuan, kebudayaan, dan tamadun melayu-islam tidak dapat dinafikan hingga ke hari ini* (mohd. Zamberi a. Malek, 1994).

Pada 1989, kerajaan thailand telah menubuhkan kolej pengajian islam di universiti prince of songkhla, pattani. Institusi ini telah mengemukakan mata kuliah, khutbah jumaat, tesis-tesis sarjana dan doktor falsafah pertama kali dalam bahasa thai di tengah-tengah masyarakat melayu. Penyampaian mata kuliah dalam bahasa thai, turut berlaku di kolej islam yala (sekarang: universiti fatoni), pusat pengajian islam swasta yang pertama ditubuhkan, kerana di pusat pengajian ini juga terdapat ramai pensyarah sambilan dari universiti prince of sonkhla.

Pengaruh bahasa thai bukan sekadar di institusi pendidikan kerajaan, akan tetapi terdapat juga di sekolah-sekolah agama swasta, di antaranya buku-buku daftar kehadiran pelajar-pelajar, surat-surat rasmi dan pengumuman pada keseluruhannya dijalankan dalam bahasa thai, dengan sebab bahasa thai adalah bahasa yang dapat difahami oleh semua pelajar dan juga guru. Demikianlah bahasa thai sudah menjadi

bahasa yang mudah difahami oleh keseluruhan anak melayu-islam patani berketurunan baru berbanding dengan bahasa persuratan melayu.

Muhammad haji mustafa (t.th.) Turut merekodkan bentuk-bentuk institusi pendidikan dan pengajian di selatan thailand seperti berikut:

- I. Pendidikan umum akademik yang terdiri dari sekolah-sekolah kerajaan dan swasta.
- II. Pendidikan tradisional atau pun yang terkenal dengan pendidikan secara pondok.
- III. Pendidikan moden atau yang terkenal dengan sekolah-sekolah agama rakyat.
- IV. Pengajian-pengajian umum di masjid-masjid, surau-surau, dan sebagainya.

#### Madrasah salafiah

Kemunculan kerajaan arab saudi pada 21 jamadilakhir 1351h./23 september 1932m. Telah mengubah arus sistem pendidikan islam di rantau tersebut ke arah ajaran ibn taymiyyah dan muhammad ‘abd al-wahhāb. Di madrasah dār al-‘ulūm al-dīniyyah, mekah misalnya, telah diserap oleh ajaran-ajaran tersebut. Mengikut barahmīn (1413h.) Bahawa madrasah dār al-‘ulūm al-dīniyyah telah menetapkan *kitāb al-tauhīd, kasyf syubuhāt, risālatan, al-usūl al-thalāthah, thalātha rasā'il* karangan muhammad ‘abd al-wahhāb dan *al-‘aqīdah al-wāsiṭiyah* karangan ibn taymiyyah sebagai sukatān kurikulum yang mesti dipelajari oleh setiap calon.

Memandangkan unsur-unsur yang dianggap syirik dan khurafat masih lagi bertapak di bumi patani, maka sebahagian bekas pelajar dari selatan thailand yang pernah belajar di madrasah dār al-‘ulūm al-dīniyyah, mekah telah menetapkan *kitāb al-tauhīd* karangan muhammad ‘abd al-wahhāb sebagai kurikulum pengajian ilmu tauhid salaf di samping mengekalkan tauhid khalaf berlandaskan ajaran-ajaran yang sedia ada seperti madrasah al-rahmāniyyah atau sekolah bamrung islam, braol, pujud, pattani, ma’had al-bi’tāt al-dīniyyah atau thamvitya mulnithi, muang, jala dan ma’had al-thaqāfah al-islāmiyyah, pombeng. Namun, sisa-sisa syirik dan khurafat masih lagi bertapak sehingga hari ini seperti penggunaan tangkal, jampi serapah, perasapan kemenyan bagi tujuan menghalau makhluk-makhluk halus, ramalan dan tilikan dukun, amalan buang sial dengan melenggang perut dan mandi bunga dan lain-lain.

Selain itu, mereka mengemukakan juga karya syeikh abdul qadir bin abdul muttalib al-indūnisī al-mandīlī kelahiran mandailing, tapanuli selatan, sumatra utara pada 1326h./1908m. Dan pernah belajar di masjid al-haram iaitu kitab perisai bagi sekalian mukalaf, sebuah terjemahan dan huraian *al-‘aqīdah al-salafiyah* (1376h./1957m.) Karangan abū ja’far, ahmad bin muhammad bin salamah al-azarī al-masrī al-tahawī al-hanafī (239-321h./853-933m.) Pemimpin bagi pengikut imam abu hanafah di mesir. Pada keseluruhannya, para penganut ajaran wahhābī awal ini masih lagi menghargai teks ajaran penulisan para ulama pondok.

Keadaan tersebut telah berubah pada sekitar tahun 1987m. Dengan kembalinya golongan profesional di kalangan akademik kerajaan arab saudi yang berani dan gigih dalam membincangkan masalah-masalah bidaah dan menolak fahaman taklid berkaitan dengan akidah dan hukum-hukum syarak serta merujuk karangan-karangan para ulama yang muktabar di sisi mereka. Golongan ini telah mendakwa sebagai pengikut kepada golongan salaf soleh dan mereka tidak reda dengan gelaran wahhābī atau wahabī yang dilabelkan segelintir ulama tempatan. Namun, para ulama pondok dengan bersungguh-sungguh cuba menisbahkan golongan tersebut kepada golongan wahabī atau “kaum baru” yang tidak berpegang kepada mana-mana mazhab fiqh tertentu.

isi seruan golongan ini ialah usaha pengembalian pengajian akidah kepada prinsip-prinsip yang dipegang oleh para sahabat dan tabiin atau yang disebut “*salaf*” dengan mengambil prinsip-prinsip akidah dan dalil-dalil yang berdasarkan al-quran dan hadis serta menghilangkan segala macam tambahan yang datang kemudian (deliar noer, 1980, hamka, 1983 dan fakhry, 1989). mereka telah menolak metode falsafah yang ditiru daripada logik yunani serta melarang para ulama untuk menanyakan dalil-dalil al-quran dan hadis itu (abu zahrāh, 1996). pada umumnya, golongan ini bersifat anti ajaran yang merupakan lambang kekoltan dan kemunduran dalam pandangan mereka. kitab-kitab peninggalan pula dipersalah

ataupun diharapkan penggunaannya (wan mohd shaghir abdullah, 1999) seperti kitab-kitab kuning yang digunakan sebagai teks asas di sistem pendidikan pondok

Antara faktor utama yang mencetuskan perselisihan pendapat di selatan thailand pada akhir abad ke-20m. Adalah kerana berlainan dari segi konsep beragama. Golongan salafiah atau wahabī atau baru mengkaji dengan secara kritikal dan tidak menzahirkan bertaklid dengan ulama tertentu serta menentang amalan-amalan bidaah terutama amalan-amalan warisan ahli tasawuf seperti wirid, acara berzikir dan sebagainya. Mereka beranggapan bahawa hanya al-quran dan hadis yang betul dan mesti diikuti melalui pentafsiran para ulama yang muktabar di sisi mereka. Keadaan ini berbeza dengan golongan ulama pondok atau “tua” atau “dulu” yang berlandaskan pendapat-pendapat menerusi kitab-kitab bercorak imam al-syāfi‘ī dalam bidang fiqah dan imam abu al-hasan al-asy‘arī, imam abu mansūr al-māturīdī dan imam al-sanūsī dalam bidang akidah serta menghormati amalan-amalan ahli tasawuf dan pandangan-pandangan para ulama silam.

Dalam membahaskan sifat-sifat allah taala, golongan salafiah telah mengemukakan kitab *majmū‘ fatāwā* bahagian *al-asmā’ wa al-sifāt* karangan ibn taymiyyah serta berusaha menerbitkan pelbagai penulisan, antaranya terjemahan buku abu al-hasan al-asy‘arī dan akidahnya karangan al-syaikh al-hammād bin muhammad al-ansārī (1343-1418h./1924-1997m.) Pensyarah universiti islam, madinah oleh para guru al-madrasah al-‘alawiyyah al-dīniyyah, resan, benang setar, jala pada 1410h./1989m. Dan menerbitkan buku *akidah ahl al-sunnah wa al-jamā‘ah* oleh seorang penulis yang menggelar dirinya sebagai abu hanifah pada 1417h./1997m.

Antara sifat-sifat allah yang dikemukakan oleh abu hanifah (1997) adalah wujūd al-nafsi (wujūd), sifat awal (qidam), sifat āakhir (baqā’), laisa ka mithlihi syay’ (mukhālafatuhu ta‘ālā li al-hawādith), sifat ghani (qiyāmu bi nafsih), wahdāniyat, qudrat, irādat, ‘ilm, hayāt, sam’, basar, kalām, disamping tambahan beberapa sifat yang lain seperti ‘izzat (kekuatan dan kemuliayaan), jalāl (kebesaran dan keagongan), wajh (muka), ‘ain (mata), yadayn (dua tangan), asābi’ (jari-jari), qadam (kaki), beristiwā’ di atas arasy, nuzūl (turun ke langit dunia), dahak (ketawa atau suka), farah (gembira), ghīrat (cemburu), hub (kasih), sabr (sabar), ityān atau majī’ (kedatangan, ketibaan), ma’iyat (kesertaan) dan khat (menulis).

Selain kegiatan menyalurkan fikiran melalui penerbitan, golongan ini juga turut dikembangkan melalui madrasah-madrasah atau sekolah-sekolah agama yang mengajar ilmu-ilmu agama dan menawarkan juga ilmu-ilmu semasa seperti al-madrasah al-islahiyyah, jala (berasal daripada pondok haji dir seno, 1955m.), madrasah al-rahmāniyyah (berasal daripada pondok braol, 1959m.) Dan lain-lain.

Di peringkat pengajian tinggi pula, golongan ini telah menubuhkan kolej islam yala (kemudiannya dinaiktaraf menjadi universiti fatoni) yang merupakan kolej islam swasta pertama yang mendapat pengiktirafan kerajaan thailand pada 8 november 1998m. Antara tujuan kolej ini ialah untuk melahirkan graduan yang berpengetahuan, beriman dan melaksanakan ajaran al-quran dan hadis sepenuhnya. Kolej ini ditaja oleh golongan salafiah dengan mendapat bantuan dari universiti imam muhammad bin sa‘ūd, islamic development bank dan international islamic relief organization yang berpusat di saudi arabia (yala islamic college, t.th.). Universiti fatoni telah menubuhkan fakulti pengajian islam dan undang-undang, fakulti seni dan sosial sains, fakulti sains dan teknologi, dan fakulti pendidikan. Di samping menawarkan program di peringkat sarjana dan juga doktor falsafah (fatoni university, 2019). Kini, waqaf tv (2019) melaporkan kenyataan sukree langputeh, timbalan rektor bahagian hal ehwal antarabangsa dan alumni bahawa universiti fatoni sudah memiliki 29 buah bangunan dan para pelajarnya terdiri daripada 30 buah negara.

Kini, masyarakat Islam selatan thailand secara kasarnya dapat dibahagikan kepada empat golongan. pertama: golongan yang mendapat pendidikan di pondok, golongan ini merupakan panglima dalam mempertahankan kitab-kitab warisan para ulama pondok. kedua: golongan yang mendapat pendidikan di sekolah atau madrasah, golongan ini terbahagi kepada dua bahagian, bahagian pertama, sebagai pendukung kepada golongan pertama dan bahagian yang kedua pula, sebagai pendukung kepada golongan salafiah. ketiga: golongan yang mendapat pendidikan di sistem pengajian umum. keempat:

golongan yang mendapat pendidikan di dalam mata pelajaran sekular. kedua-dua golongan terakhir ini merupakan golongan pengikut, ada yang cenderung kepada golongan pertama yang merupakan kelompok majoriti dalam masyarakat selatan thailand dan ada juga yang lebih cenderung kepada golongan salafiah yang merupakan minoriti. Selain itu, terdapat gerakan jemaah tabligh yang majoritinya menyokong kepada golongan pertama.

Demikianlah, perkembangan pendidikan di selatan thailand telah melahirkan beberapa sistem pendidikan seperti berikut:

- I. Pendidikan tradisional ataupun yang terkenal sebagai pendidikan pondok.
- II. Pendidikan umum di masjid-masjid, surau-surau, media dan sebagainya.
- III. Pendidikan moden terbahagi kepada :
  - A. Sekolah\madrasah
    - agama swasta.
    - umum pemerintahan (sekolah dasar).
  - B. Institut pengajian tinggi
    - awam
    - swasta

## **KESIMPULAN**

Pendidikan islam di sekitar kawasan selatan thailand telah bermula secara rasminya di istana. Pada abad ke-16m., selatan thailand telah pertama kali memperkenalkan sistem pendidikan yang dikenali sebagai pondok. Pengaruh sistem pendidikan madrasah telah merubah sebahagian pondok kepada sistem baru yang dikenali sebagai pendidikan madrasah atau sekolah. Jati diri madrasah atau sekolah tidak dapat bertahan dengan akta-akta kerajaan thailand dan arus pembaharuan semasa. Sebahagian daripadanya terpaksa menerima penambahbaikan daripada pihak kerajaan dan arus pembaharuan. Walau bagaimanapun sebahagian pondok masih lagi mengekalkan jati dirinya hingga ke hari ini. Usaha pembaharuan dan pengekalan jati diri yang diharungi tetap berdepan dengan risiko masa depan umat islam di selatan thailand. Selain berdepan dengan akta-akta kerajaan yang merupa ancaman dalaman, mereka juga terpaksa berdepan dengan serangan global seperti revolusi industri 4.0 yang merupakan ancaman luaran. Apakah pilihan mereka dalam rangka melestarikan masa depan pendidikan umat islam di rantau tersebut.

## Rujukan

- Abdullah Hayeesaid. (2002). Gerakan Islāh di Patani (1970-1990) : Kajian Sejarah Perkembangan dan Pemikirannya. Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia.
- Abu Zahrah, Imam Muhammad. (1996). Aliran Politik dan ‘Aqidah dalam Islam (Abd. Rahman Dahlan dan Ahmad Qarib, terj.) dari Tarīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah, Jakarta: Logos Publishing House.
- Ahmad Fathy Al-Fatani. (1994). Pengantar Sejarah Patani. Kota Bharu: Dian Darulnaim.
- Ahmad Fathy Al-Fatani. (2001). Ulama Besar Dari Patani. Kuala Lumpur: Ampang.
- Ahmad Jelani bin Halimi. (1989). Sistem Pendidikan Melayu (Islam) Tradisional Merujuk Kepada Sistem Pendidikan Pondok di Kedah : Asal Usul dan Perkembangannya Hingga 1957. Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia.
- Bahagian Hal Ehwal Islam. (1991). Syeikh Daud Abdullah Al-Fatani : Pengenalan Ringkas. Kertas kerja yang disampaikan dalam Nadwah Ilmiyah Tokoh Ulama’ Peringkat Kebangsaan (Syeikh Daud Abdullah al-Fatani), kali ke-iv, m.s. x-xi. Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri dan Akademik Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Disember 17-19
- Barahmīn, Yāsīn Ahmad. (1413H.). Lamhāt ‘an Tarīkh Madrasat Dār al-‘Ulūm al-Dīnīyyat Bi Makkat al-Mukarramat 1353-1410H. t.k.: t.p.
- Bougas, Wayne A. (1994). The Kingdom of Patani. Selangor: Pusat Teknologi Pendidikan UKM.
- Bruinessen, Martin Van. (1995). Kitab Kuning Pesantren dan Tarikat, 2nd ed. Bandung: Mizan.
- Deliar Noer. (1980). Gerakan Moderen Islam di Indonesia 1900-1942. Jakarta: Djaya Pirusa.
- Fatoni University. (2019). Laksut [Online]. [Accessed 16th Mac 2019]. Available from World Wide Web: <http://www.ftu.ac.th/2019/index.php/th/>
- Fakhry, Majid. (1989). Sejarah Falsafah Islam, (terj.) dari A History of Islamic Philosophy. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamka. (1983). Pengajian Islam, 2nd ed. Malaysia: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Hasan Madmarn. (2002). The Pondok & Madrasah in Patani, 2nd ed. Selangor: Malindo Printers Sdn. Bhd.
- Ibrahim Ismail. (1991). Syeikh Dawud al-Fatani : Satu Analisis Peranan Dan Sumbangannya Terhadap Khazanah Islam Di Nusantara. Kertas kerja yang disampaikan dalam Nadwah Ilmiyah Tokoh Ulama’ Peringkat Kebangsaan (Syeikh Daud Abdullah al-Fatani), kali ke-iv, m.s. 1-54. Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri dan Akademik Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Disember 17-19.
- Ibrahim Syukri. (2002). Sejarah Kerajaan Melayu Patani. Kuala Lumpur: Ampang Press Sdn. Bhd.
- Islamic College of Thailand. (2014). Prawat Withyalai Islam Haeng Prathed Thai [Online]. [Accessed 12th December 2016]. Available from World Wide Web: <http://www.islamiccollege.ac.th/islamiccollege/index.php/aboutas/mm-profile>
- Jamiah Islam Syeikh Daud Al-Fathani. (2019). Sejarah [Online]. [Accessed 16th Mac 2019]. Available from World Wide Web: <http://jisda.org/?p=18>
- Krom Kan Pokkrong (Jabatan Pentadbiran). (2019). Official Statistics Registration Systems [Online]. [Accessed 16th Mac 2019], Available from World Wide Web: [http://stat.dopa.go.th/stat/statnew/upstat\\_age\\_disp.php](http://stat.dopa.go.th/stat/statnew/upstat_age_disp.php)
- Mat Rofa Ismail. (1997). Mantik Dalam Babak Pemikiran Ilmiah Tamadun Manusia. Ampang: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahayudin Haji Yahaya. (1998). Islam di Alam Melayu. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd. Zamberi A. Malek. (1993). Patani Dalam Tamadun Melayu. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Muhammad Al-Haji Mustafa, Haji (t.th.). Pengenalan Ringkas Majlis Agama Islam Wilayah Jala, Selatan Thailand. Jala: Majlis Agama Islam Wilayah Jala.
- Muhammad Zain bin Faqih Jalaluddin Al-Asyī, Syeikh. (1342). *Bidāyat al-Hidāyat*. Misr: Mustafā al-Bābīy al-Halabīy wa Awlādūh.
- Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan. (1977). *Sejarah Perkembangan Ulama' Kelantan Sejarah Gerakan dan Perkembangan Alam Pemikiran Islam di Jajahan Kota Bharu 1900-1940*. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Nik Anuar Nik Mahmud. (2000). *Sejarah Perjuangan Melayu Patani 1785-1954*. (Farid Mat Zain,ed). Bagi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Phaisal Promyong. (2004). Cod Thabian Ponak : Cud Remton Re Bod Sudthai. Kertas kerja yang disampaikan dalam Neuthang Kan Phatna Ponak Cheng Anurak, m.s. 37-51. Anjuran The Central Islamic Committee of Thailand, May 22-24
- Pejabat Pelajaran Swasta Wilayah Pattani. (2016). Sansonthaid So Cho Pattani 2559 [Online]. [Accessed 12th December 2016]. Available from World Wide Web: <http://www.opep.go.th/index.php/en/>
- Pejabat Pelajaran Swasta Wilayah Narathiwat. (2016). Khomun Sansonthaid Pi 2559 [Online]. [Accessed 14th April 2017]. Available from World Wide Web: <http://www.opecnara.go.th/webnew/index.php/2559>
- Pejabat Pelajaran Swasta Wilayah Yala. (2016). Khomun Sansonthaid Samnakngan Kanseksa Aekchon Changwad Yala Pi Kanseksa 2559 [Online]. [Accessed 12th December 2016]. Available from World Wide Web: [https://drive.google.com/file/d/0B0n\\_L3Z9pU-MLWs1WGVIZUROcmM/view](https://drive.google.com/file/d/0B0n_L3Z9pU-MLWs1WGVIZUROcmM/view)
- PETIDAM. (2009). *Sejarah Singkat PETIDAM* [Online]. [Accessed 16th Mac 2019]. Available from World Wide Web: <http://petidam.blogspot.my/2009/07/sejarah-singkat-petidam-pendahuluan.html>
- Siti Hawa Haji Salleh., ed. (1992). *Hikayat Patani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sukree Langputeh. (2019). Mahavyatalai Fatoni Su...Madinatussalam. Dalam WAQAF TV [Online]. [Accessed 30th Mei 2019]. Available from World Wide Web: <https://www.facebook.com/WAQAF.TV/>
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah, Haji. (1999). *Penutup Perdebatan Islam Alaf Kedua di Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- W.K. Cheman (1990). *Muslim Separatism : The Moros of Southern Philippines and the Malays of Southern Thailand*. Malaysia: Peter Chong Printers Sdn. Bhd.
- Weerasak Chansongsaeng. (2003). Khuam Ching Khuam Ngam Khuam Dee Thi Ponak [Online]. [Accessed 8th July 2007]. Available from World Wide Web: <http://www.sarakadee.com/feature/2003/09/pondok.htm>
- Worawit Baru (1991). *Patani Dalam Konteks Dunia Melayu*. Dalam Dunia Melayu (Mohd. Yusof Hashim, ed.), m.s. 56-73. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yala Islamic College. (t.th.). [Online]. [Accessed 10th August 2004]. Available from World Wide Web: [http://www.yic.ac.th/about\\_yic.htm](http://www.yic.ac.th/about_yic.htm).